

# Struktur koperasi perlu disusun: PM

BM 21 NOV 1993

Oleh Lichong Angkui dan Isa Nikmat

SUBANG: Sistem dan struktur pergerakan koperasi di negara ini perlu disusun semula, manakala pentadbirannya harus dipimpin dengan betul berteraskan prinsip pengurusan sejagat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu bagi membolehkan koperasi bergerak secara lebih cergas, seiring dengan sektor korporat, dalam usaha mencapai Wawasan 2020.

Menurutnya, dalam pembangunan ekonomi moden, pergerakan koperasi mempunyai tempat tersendiri selain sektor korporat, yang membawa pertumbuhan pesat kepada ekonomi negara.

"Dengan jumlah ahli melebihi empat juta di seluruh negara, koperasi boleh berfungsi sebagai tenaga penggerak dalam menentukan pertumbuhan ekonomi supaya lebih cergas dan dinamik.

"Untuk mencapai potensi pada masa depan, gerakan koperasi perlu membuat beberapa perubahan," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB), di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, sistem cara lama mungkin tidak lagi sesuai untuk koperasi yang mempunyai banyak ahli serta kegiatan perniagaan dan pelaburan membabitkan berjuta ringgit.

Sehubungan dengan itu, katanya, koperasi perlu menambah daya tariknya sebagai majikan yang mampu menarik profesional serta pekerja mahir untuk berkhidmat dengannya sama seperti badan korporat lain.

"Zaman syarikat jimat cermat pinjam-meminjam tanggungan berhad yang diurus secara sambilan oleh beberapa ahli sudah hampir berakhir," katanya.

Beliau berkata, jika konsep syarikat boleh digunakan untuk menerajui 'one-man company' yang kecil serta gergasi 'multinational conglomerates', tiada sebab konsep koperasi tidak berupaya berbuat demikian.

Oleh itu, katanya, perkara itu harus difikirkan secara serius supaya koperasi pelbagai bentuk saiz dan kegiatan ekonomi di negara ini dapat bersaing maju dengan badan perniagaan lain.

Perdana Menteri berkata, pentadbiran yang betul berteraskan konsep sejagat penting dalam kepemimpinan koperasi bagi mengelak pelbagai masalah dalaman.

Beliau menegaskan, bukannya menjadi hasrat kerajaan menggunakan wang rakyat untuk memberi subsidi kepada koperasi bermasalah. Oleh itu, setiap ahli perlu meneliti perjalanan koperasi masing-masing.

Mengenai Akta Koperasi 1992 yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata, ia sebahagian langkah kerajaan mengawasi perjalanan koperasi dan berharap setiap ahli memahaminya.

Katanya, penyelesaian terhadap masalah koperasi bukan bergantung kepada peraturan kerana undang-undang ketat menyukarkan pengurusan koperasi. Kerajaan tidak bermaksud membeban-

kan koperasi yang berjalan betul.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Dr Mahathir berkata, beliau yakin berdasarkan pengurusan sekarang, KUB bukan saja mampu menyelesaikan masalah hutang, malah mencatat keuntungan tahun depan.

Segala tindakan yang diambil oleh pengurusan KUB adalah bersesuaian dengan cara pemuliharaan syarikat.

Beliau turut menghadiri taklimat Pengerusi KUB, Hassan Harun mengenai kemajuan koperasi berkenaan sejak usaha pemuliharaan dijalankan pada 1991 serta rancangan masa depan.